

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan baru SMK Matu, Bahagian Mukah dan bilakah pembinaannya akan dimulakan serta kos sebenar yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Matu di Daro, Sarawak telah diluluskan dalam *Rolling Plan 2* (Tahun 2017), Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos sebanyak RM75 juta. Skop projek ini meliputi pembinaan gantian penuh bilik darjah, asrama dan kemudahan lain.

Pelaksanaan projek pembinaan sekolah ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Sehingga 17 Ogos 2020, projek masih dalam fasa prabina, iaitu penyediaan lukisan terperinci dan dokumentasi tender. Pembinaan projek dijangka bermula pada tahun 2021 dengan kos masih dikekal sebanyak RM75 juta.

Sekian, terima kasih.